

12 JUL 1998

PBB-cabaran

CABARAN UNTUK JAWATAN TERTINGGI DIJANGKA PADA PERHIMPUNAN PBB

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Buat pertama kali dalam tempoh 12 tahun, beberapa jawatan tertinggi dalam parti memerintah Sarawak Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), kecuali presiden, dijangka akan dicabar pada konvensyen parti itu bulan depan, kata sumber-sumber hari ini.

PBB, komponen utama kerajaan negeri Barisan Nasional (BN), tidak pernah melihat pertandingan untuk jawatan-jawatan tertingginya sejak 1986.

Pada tahun itu, pemilihan parti menyaksikan antara lain Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha mengalahkan Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud untuk satu daripada dua jawatan timbalan presiden.

Sejak itu, jawatan-jawatan tertinggi seperti presiden, timbalan-timbalan presiden dan naib presiden tidak pernah dicabar pada konvensyen yang diadakan tiga tahun sekali, demi untuk perpaduan parti, kata sumber-sumber itu.

Tetapi kali ini, pertandingan utama pada konvensyen pada 29 hingga 31 Ogos depan, dijangka sekali lagi tertumpu kepada Abang Abu Bakar, yang dijangka akan dicabar oleh seorang lagi orang kuat parti, kata mereka.

Kedudukan Abang Abu Bakar nampaknya goyang kerana beberapa bahagian parti yang telah mengadakan mesyuarat perwakilan mereka setakat ini sebelum konvensyen itu, telah meluluskan resolusi mahukan jawatannya dicabar.

Bahagian-bahagian itu termasuk Asajaya, yang diketuai oleh Ketua Menteri dan presiden PBB Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Pantai Damai yang diketuai oleh Menteri Muda Datin Paduka Sharifah Mordiah Tuanku Fauzi.

"Langkah untuk menjatuhkan Abang Abu Bakar nampaknya mendapat sokongan dari bahagian-bahagian lain, tetapi apa yang menghairankan ialah malahan Sharifah Mordiah, yang selama ini diketahui seorang penyokong kuat Abang Abu Bakar, sekarang turut serta menentanginya," kata sumber-sumber itu.

Mereka juga menarik perhatian mengenai sokongan untuk Abang Abu Bakar dicabar datang dari bahagian presiden PBB sendiri, dan menyifatkan ini sebagai sama seperti "sokongan kuat dari Taib sendiri".

"Ia sungguh signifikan kerana pada konvensyen tahun 1986, Taib secara terbuka menyokong Abang Abu Bakar dari Dr Sulaiman dan ini membolehkan beliau (Abu Bakar) menang," kata sumber-sumber itu yang mentafsirkan perkembangan terbaru ini sebagai "Abang Abu Bakar tidak lagi disenangi oleh Taib".

Konvensyen bulan depan mungkin menjadi acara parti paling menarik sejak beberapa tahun dan beberapa nama telah timbul sebagai bakal pencabar Abang Abu Bakar.

Calon-calon yang disebut-sebut sebagai berkemungkinan akan mencabar Abang Abu Bakar ialah sama ada Datuk Adenan Satem atau Datuk Abang Johari Tun Openg, kedua-duanya penyandang jawatan naib presiden.

Sumber-sumber itu berkata Dr Sulaiman, naib presiden yang lagi satu, tidak akan bertanding untuk jawatan nombor dua itu kali ini.

Abang Abu Bakar sekarang ialah timbalan presiden mewakili kelompok Bumiputera Islam PBB sementara timbalan presiden yang satu lagi Tan Sri Alfred Jabu mewakili Bumiputera bukan Islam.

Sementara itu, Abang Abu Bakar, menteri Malaysia yang boleh dikatakan paling "low-profile", enggan mengulas mengenai perkembangan terbaru dalam PBB ini.

"Beliau hanya akan melakukannya apabila tepat pada masanya," kata seorang pembantunya kepada Bernama.

Tetapi calon yang dijangka akan mencabar Abang Abu Bakar kemungkinan besar akan diputuskan berasas kepada bilangan pencalonan yang diterima pada saat-saat sejurus sebelum tarikh konvensyen.

Satu lagi faktor penentu ialah peranan yang akan dimainkan oleh Taib sendiri kali ini, kata sumber-sumber itu.

Seorang pemerhati politik berkata: "Sekiranya Taib membuat keputusan untuk menyokong mana-mana calon, sudah tentu sokongan ramai akan berpindah kepada calon berkenaan sebagaimana yang dilihat pada tahun 1986. Sekiranya beliau membuat keputusan untuk tidak menyokong mana-mana pihak pertandingan akan menjadi lebih sukar untuk diramal."

Taib telah beberapa kali dengan secara terbuka berkata bahawa beliau sedang menyediakan tiga pemimpin parti sebagai penggantinya sekiranya beliau membuat keputusan untuk berundur -- Adenan, Abang Johari dan Datuk Effendi Norwawi.

"Bagaimanapun, pilihan pencabar Abang Abu Bakar ialah antara Adenan dan Abang Johari. Kemungkinan Effendi sebagai pencabar agak jauh kerana beliau lebih terlibat dalam perniagaan daripada politik," kata pemerhati itu.

Effendi, antara lain ialah pemilik stesen televisyen terbaru Malaysia, saluran NTV7 yang dilancar Selasa lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam satu perkembangan yang berkaitan, seorang lagi pemimpin PBB yang kurang dikenali di luar Sarawak, Datuk Wahab Dollah, sejak akhir-akhir ini muncul sebagai "kuda hitam" yang dilihat sebagai mungkin juga akan mencabar Abang Abu Bakar.

Wahab, selain daripada menjadi ketua penerangan PBB dan Menteri Muda, dianggap oleh kalangan politik di Sarawak sebagai ahli politik yang mempunyai potensi, yang aset terbesarnya ialah menjadi orang yang paling rapat dengan Taib.

Malahan, satu artikel sebuah majalah berita baru-baru ini menyifatkan beliau sebagai "anak emas didikan" Taib.

Beberapa anggota parti yang dihubungi bagaimanapun berkata senario Wahab bertanding untuk jawatan nombor 2 itu mungkin agak jauh kerana "beliau masih perlu belajar selok belok politik selaras dengan tradisi parti".

Tetapi ada pihak-pihak lain dalam parti yang tidak sepenuhnya menafikan kemungkinan beliau akan turut memberi cabaran.

"Dalam politik, tidak ada yang tidak mungkin. Senioriti bukan satu-satunya faktor untuk seorang pemimpin menaiki tangga parti. Sudah tentu mana-mana peralihan untuk perubahan pemimpin perlu sewajarnya berjalan dengan licin," kata sumber-sumber itu.

--BERNAMA

AU WAT